

# Mahathir hargai pendirian Australia

BH 29 JUL 1992

(1)

KUALA LUMPUR, Selasa — Malaysia menghargai pendirian kerajaan Australia untuk tidak campurtangan dalam isu perebutan hak menjaga dua anak Raja Kamarul Bahrin Shah Raja Ahmad dengan bekas isterinya, Jacqueline Gillespie.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata Australia perlu menghormati keputusan Mahkamah Syariah negara ini seperti juga Malaysia dikehendaki mematuhi keputusan mahkamah negara lain.

"Kita mengucapkan terima kasih kerana mereka membuat keputusan tidak akan campurtangan dalam isu ini.

"Sudah jelas bahawa

kedua-dua anak itu lahir di sini dan menjadi warganegara ini. Mahkamah Syariah juga sudah mengeluarkan perintah bahawa bapanya ada hak menjaga mereka," katanya selepas melancarkan Perbadanan Usahawan Nasional Berhad (PUNB), di sini, hari ini.

Dr Mahathir berkata demikian sebagai mengulas kenyataan Perdana Menteri Australia, Paul Keating, di Canberra, semalam, bahawa tidak banyak yang boleh dilakukan oleh kerajaannya dalam pertikaian merebut hak penjagaan anak di antara Raja Bahrin dan bekas isterinya itu.

Kedua-dua anak itu, Raja Mohamed Baharud-

din Ismail Shah (Iddin), 9, dan Raja Shahirah Shah (Shahirah), 7, kini berada di sini setelah bapanya membawa mereka keluar dari rumah ibunya di Melbourne, 9 Julai lalu.

Raja Bahrin, membawa anaknya pulang ke negara ini selepas menghilangkan diri beberapa minggu, muncul buat pertama kali dua hari lalu dan membuat kenyataan bahawa beliau bertindak demikian kerana mahu menyelamatkan akidah kedua-dua anaknya.

Jacqueline yang kini kembali ke agama asalnya dan berkahwin lain dikatakan menjalankan upacara *baptism* untuk mengkristiankan anaknya.